

Pengeluar simen akur tidak naikkan harga

→ KPDNHEP cari penyelesaian terbaik ura-ura peningkatan kos hingga 50 peratus

Oleh Rohaniza Idris dan Suhaila Shahrul Annar
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Pengeluar simen setuju untuk tidak menaikkan harga barang kawalan itu selepas mengadakan pertemuan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), kelmariin.

Menteri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata runtingan itu bertujuan mencari penyelesaian terbaik susulan ura-ura berlaku peningkatan harga simen hingga 50 peratus.

"Mereka (pengeluar) ada menyatakan beberapa alasan untuk meraihkan harga berikutnya peningkatan kos, selain kenakan harga bahan import untuk membuat simen akibat kelebihan tinggit," katanya selepas Majlis Pelancaran Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan di sini, semalam.

Saifuddin berkata, pihaknya menjelaskan kepada pengeluar simen bahawa mereka perlu maklumkan dan mohon kepada KPDNHEP terlebih dulu jika mahu menaikkan harga ke-



Saifuddin Nasution (dua dari kiri) melancarkan risalah garis panduan pematuhan standard filem penghadang haba kenderaan 2019 di Putrajaya, semalam.

rana ia termasuk dalam senarai barang kawalan.

Perlu patuhi syarat

"KPDNHEP sebagai pihak yang mengeluarkan lesen mengilang dan memborong di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 menyatakan ada beberapa prasyarat yang perlu dipatuhi jika mereka mahu menaikkan harga.

Saifuddin berkata, kerajaan boleh ambil tindakan kerana pengeluar tidak maklumkan kepada KPDNHEP, tetapi terus mengeluarkan pekeliling kepada pengeluar untuk naikkan harga.

"Bagaimanapun, kita pilih untuk mengadakan perbincangan dan memberi penerangan dengan mereka," katanya.

Katanya, menerusi perte-

muhan itu juga, KPDNHEP merangkkan bahawa kerajaan menyasarkan untuk membina satu juta rumah mampu milik.

"Sekiranya bahan utama membuat rumah naik, ia sudah pasti memberi kesan kepada pembinaan rumah mampu milik. Jadi, mereka (pengeluar simen) juga perlu mendengar daripada pihak kita," katanya.

MyCC buat pemantauan

Sementara itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan memantau industri simen berikutan cadangan menaikkan harga bahan itu dan mengenal pasti sama ada berlaku kegiatan antipersaingan dalam sektor itu.

Ketua Pegawai Eksekutif, Is-

kandar Ismail, berkata langkah itu bagi menyokong inisiatif kerajaan untuk melindungi hak pengguna dan menilai perkara itu mengikut peruntukan Akta Persaingan 2010 jika perlu.

Katanya, MyCC turut mengambil kira kesan penggabungan antara YTL dan Lafarge baru-baru ini yang menyebabkan penumpuan pasaran di tahap hulu dan hiliran.

"Seksyen 4 dan Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 dengan jelas melarang perusahaan membuat perjanjian antipersaingan dan menyalahgunakan kedudukan dominan mereka di pasaran. Suruhanjaya akan terus dengan inisiatifnya untuk menggalakkan dan melindungi proses persaingan," katanya.

Rabu, 19 Jun 2019 | 4:17pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (tiga kiri) bersama Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abd Aziz (dua kiri) dan Ahli Lembaga Pengarah SIRIM, Datuk Syed Hisham Syed Wazir (empat kiri) memeriksa ketelusan cahaya pada Majlis Pelancaran Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan 2019 di KPDNHEP, Putrajaya. - Foto Luqman Hakim Zubir

Pengeluar simen setuju harga dikekalkan

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

PUTRAJAYA: Penggiat industri pengilangan simen di negara ini bersetuju untuk mengekalkan harga barang kawalan itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata keputusan berkenaan dimuktamadkan selepas kementeriannya mengadakan pertemuan dengan penggiat industri simen, semalam.

Beliau berkata, menerusi pertemuan itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama-sama penggiat industri simen mengadakan rundingan ke arah mencari penyelesaian terbaik terhadap perkara berkenaan.

"Pihak Kementerian juga menjelaskan kepada semua penggiat industri simen bahawa mereka perlu memaklumkan dan mohon kepada KPDNHEP terlebih dulu jika mahu menaikkan harga simen kerana ia termasuk dalam barang kawalan.

"KPDNHEP sebagai pihak yang mengeluarkan lesen mengilang dan memborang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 menyatakan ada beberapa prasyarat yang perlu dipatuhi oleh mereka jika mahu menaikkan harga.

"Antaranya, ia mesti dimaklumkan kepada KPNDHEP untuk tujuan kelulusan bagaimanapun mereka tidak melakukannya," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan di sini, hari ini.

Saifuddin berkata, kerajaan boleh mengambil tindakan kerana penggiat industri simen ini tidak maklumkan kepada KPDNHEP tetapi terus mengeluarkan pekeliling kepada pengeluar untuk menaikkan harga.

"Bagaimanapun, kita (kerajaan) pilih cara untuk mengadakan perbincangan dan memberi penerangan dengan mereka.

"Pada akhir perbincangan, mereka bersetuju untuk tidak menaikkan harga simen. Pada masa depan kalau ada ura-ura mahu menaikkan harga, mereka perlu maklumkan dan mohon kepada KPDNHEP kerana ia (simen) adalah barang kawalan," katanya.

Isu kenaikan harga simen sebelum ini turut mendapat perhatian Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan mahu syarikat pengeluar simen memberi alasan susulan tindakan mereka menaikkan harga barang itu antara 40 hingga 50 peratus.

Dalam pada itu, Saifuddin berkata, antara alasan yang diberikan penggiat industri untuk menaikkan harga simen ialah peningkatan kos kerana ada barang dalam pembuatan simen perlu diimport seperti seperti clinker (batu hangus) dan serta kenaikan tarif elektrik.

Katanya, menerusi pertemuan itu juga, KPDNHEP menerangkan bahawa kerajaan menyasarkan untuk membina satu juta rumah mampu milik.

"Sekiranya bahan utama membuat rumah naik, ia sudah pasti memberi kesan kepada pembinaan rumah mampu milik.

"Jadi, mereka (penggiat industri simen) juga perlu mendengar daripada pihak kita," katanya.